

19 OCT 2003

Abdullah-Cabaran (Bergambar)

NASIB GOLONGAN MUDA AKAN TERUS DIBELA, KATA ABDULAH

JITRA, 19 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan akan memastikan nasib golongan muda terus dibela kerana mereka merupakan modal sumber manusia negara.

Beliau berkata kerajaan tidak mahu golongan muda ini tercemar dengan gejala dadah, tidak bermaya, mempunyai akal yang lemah serta tidak mahu belajar.

"Semua pencemaran ini mesti dihapuskan. Kita mahu nilai-nilai baik yang ada sekarang ini semakin bertambah tinggi lagi," katanya semasa merasmikan Kolokium Pemadam Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2003 di Dewan Wawasan di sini.

Beliau berkata tenaga muda mestilah mempunyai sikap dan cita-cita memajukan negara di samping tidak mengharapkan belas kasihan atau hak istimewa dalam bersaing di peringkat global.

Generasi pemimpin yang ada ketika ini akan berasa gembira sekiranya golongan muda di negara ini lebih baik dan cemerlang.

Sementara itu mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa merasmikan sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) baru-baru ini yang disalahtafsir oleh pihak barat, Abdullah berkata pihak barat memang dikenali dengan pilih kasih.

"Sikap pilih kasih ini dapat dilihat dalam perbuatan dan peranan mereka termasuk dasar yang dilaksanakan sama ada ekonomi, alam sekitar atau hak asasi manusia," katanya.

Kenyataan Perdana Menteri itu disalahtafsir oleh beberapa negara Barat yang melabel Dr Mahathir sebagai anti-Yahudi.

Beliau berkata kenyataan Dr Mahathir itu sengaja disalahtafsirkan untuk menonjolkan Perdana Menteri sebagai orang yang memusuhi kumpulan Yahudi.

Kolokium tiga hari yang bermula semalam itu disertai oleh hampir 4,000 pelajar melibatkan lebih 50 IPT awam dan swasta seluruh negara.

-- BERNAMA

MAN PR